

Dukun, Sundal dan Pembunuh

Hêlîn Asî

28/06/2018

Patriarki tidak hanya bergantung pada struktur yang berada di luar pengaruh dan kawalan kita. Sebenarnya, pola pemikiran patriarki adalah pemikiran yang telah diturunkan ke atas masyarakat dan generasi, dan pemikiran yang mengubah wataknya bergantung pada tempat dan masa sejarah. Hari ini, kita berhadapan dengan mekanisme penindasan yang lain daripada yang berlaku 50, 100 atau 500 tahun yang lalu. Namun, pada waktu yang sama, terdapat persamaan dan corak tertentu yang bertahan selama berabad-abad dan yang memperlihatkan perang dilakukan terhadap pemikiran dan tubuh perempuan. Penindasan dan eksploitasi wanita, yang memungkinkan terjadinya pembentukan sistem patriarki, dapat ditelusuri sejak ribuan tahun. Perkembangan sistem ini dapat disimpulkan dari penghapusan tokoh-tokoh utama wanita dan ketuhanan dalam mitologi, dan juga dapat disaksikan kemudian dari penurunan nilai 'keperempuanan', dari semula jadi dan koperal dalam (kebanyakan Barat) falsafah dan, paling tidak, dari perburuan dukun Eropah yang bermula pada akhir Zaman Pertengahan. Ketika melihat cara perang ideologi dan psikologi, yang telah digunakan terhadap perempuan dalam 5000 tahun terakhir, kita dapat mengenali corak-corak tertentu yang juga kita hadapi sekarang.

Kita boleh bercakap tentang bagaimana perempuan dilihat sebagai syaitan, disertai dengan mempermalukan dan perbuatan yang merendahkan-perempuan. Dalam analisis sejarah patriarki, perspektif sejarah hegemoni lelaki melihat perempuan sebagai faktor pasif, di mana tiada cara dan masa mereka untuk melawan lelaki. Tambahan pulak, sistem patriarki difahami sebagai semula jadi dan anugerah tuhan. Namun begitu, sebaliknya, ini akan terus menjadi rahsia sekiranya feminis tidak menyelongkar sejarah perlawanan ini sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Sejarah patriarki bergerak seiring dengan sejarah perang ke atas tubuh dan semangat yang menentang dan melawan.

Gerakan perempuan Kurdish sudah mula menganalisa sosok perempuan dalam mitos di Sumeria, Babylonia, India dan Greek. Mereka menyatakan tentang sesebuah kemusnahan yang telah menghancurkan mereka yang menyembah tuhan perempuan dan menukar mereka sebagai sosok yang bahaya dan menakutkan. Bermula dari kemusnahan karakter ini, bermulalah masyarakat patriarki.

Hari ini, apabila kita bercerita tentang tuhan perempuan dalam mitologi, kita menyaksikan tradisi yang bercanggah. Kebanyakan tuhan perempuan yang kuat dan berkuasa tetapi ditulis seperti berbahaya dan bersifat syaitan. Contoh yang terbaik dalam hal ini adalah tuhan India, Durga dan Kali, yang digambarkan sebagai sosok yang merdeka dan kuat, tidak seperti tuhan perempuan lain, mereka tidak mempunyai pasangan ataupun tuhan lelaki yang sama sepertinya. Tuhan Durga adalah simbol hidup dan mati, kebaikan dan hukuman dalam masa yang sama. Sepertinya, Kali yang dikatakan lahir dari kening dan kemarahan Durga, adalah tuhan penciptaan dan pembaharuan, namun juga kematian dan kemusnahan. Kedua-dua mereka melambangkan seksualiti dan shakti, iaitu tenaga perempuan primordial, namun begitu diceritakan sebagai kegelapan dan kemusnahan shakti terlebih dahulu. Dalam beberapa penceritaan, mereka digambarkan sering ketawa dengan kuat, menghancurkan dan sering menari dengan perlambangan syaitan. Tapi bertentangan dengan mereka, adalah tuhan seperti Sita, yang digambarkan jinak dan berjuang untuk kesetiaan, kesuburan dan ketabahan.

Tuhan Kali dan Durga bukanlah satu-satunya contoh yang menunjukkan bahawa tuhan perempuan sering dikaitkan dengan perlambangan syaitan, namun ada banyak lagi. Tuhan Sumeria, Lilith, juga merupakan perempuan pertama dalam mitos Yahudi, melawan penyerahan diri dan menegakkan kemerdekaan dan kebebasan seksual. Kemudiannya cerita tentang Lilith ditulis sebagai syaitan, penggoda dan pembunuh kanak-kanak. Pola perlambangan syaitan terhadap perempuan yang memiliki kekuatan dan kebebasan seksualiti, menular berabad lamanya, sehingga Zaman Pertengahan di Eropah, di mana kempen terkejam dan terburuk dalam sejarah patriarki, terjadi.

Sewaktu bermulanya kapitalisme, peperangan oleh para pemberontak menjadi semakin tegang apabila mereka (kapitalis) cuba untuk mengeksploitasi dan mengubah setiap tenaga bina dan kreatif manusia menjadi tenaga kerja. Sebelum dan pada ketika ini, terdapat kepercayaan meluas tentang tenaga alam dan kekuatan semula jadi seperti ilmu sihir, dan terutamanya para dukun. Dalam bukunya "Caliban and the Witch", Silvia Federici menulis tentang amalan sihir yang tidak sehaluan dengan kerja dan aturan kapitalis yang semakin berkembang.

Kapitalisme, sistem yang menghitung, meramal secara logik dan menyimpulkan dan disiplin; menentang ilmu sihir, yang kemudian dianggap melawan undang-undang dan peraturan, tidak dapat dijangka dan cuba mengganggu ketenteraman awam. Hasil dari perlambangan perempuan pemberontak sebagai syaitan, kempen seksis dan perburuan dukun, yang seringkali tertinggal dalam analisis sejarah kapitalisme. Perempuan pemberontak yang tidak patuh kepada norma sosial dipanggil dukun oleh saudara dan jiran mereka sendiri. Hubungan seks, mempunyai anak

di luar ikatan perkahwinan, hubungan yang kuat antara perempuan, kepandaian dan ilmu tentang alam, berhubung dengan alam, memiliki kucing (ribuan kucing juga telah dibunuh), pelacuran, hidup tanpa lelaki atau mempunyai 'rekod buruk' di kalangan masyarakat juga dilihat sebagai ciri-ciri dukun.

Seorang dukun juga seorang perempuan yang tidak tunduk (kepada kekuasaan), yang melawan, mempertahankan dirinya ataupun menghamburkan makian. Dukun menjadi simbol melawan aturan patriarki. Perlawanan mereka telah dibalas dengan hinaan. Hukuman terhadap 60,000 dukun merupakan perbuatan untuk menunjukkan kepada orang awam, di mana perempuan yang tidak mengikut aturan masyarakat akan dibakar di khalayak ramai. Hukuman dan seksaan terhadap dukun adalah untuk merendahkan dan memalukan mereka. Alam, ilmu sihir, dukun dan perempuan, yang merupakan elemen penting dalam kehidupan – dimusnahkan dan dihina untuk mengembangkan kapitalisme dan penemuan baru sains rasionalis.

Di dalam falsafah Barat, nyahnilai alam, tubuh dan material seiring dengan nyahnilai perempuan, yang dilabelkan sebagai tidak masuk akal, tidak rasional, tidak stabil, dan tidak boleh dijangka. Ahli falsafah, saintis, pakar psikoanalisis semuanya bersubahat dalam hal ini. Kesemua cara fitnah dan perlambangan syaitan ke atas perempuan dengan cara memalukan, menuduh, penaklukan dan penolakan mereka terus terjadi berabad-abad lamanya. Malah, masyarakat kini juga masih lagi tidak menerima bahawa perempuan yang hidup atas kemahuan sendiri, bebas dan merdeka, yang mengelola dan berkawan dengan perempuan lain, bergaduh, menyumpah, melawan, berbincang, membuat keputusan atas tubuhnya sendiri, membuat keputusan tentang cinta dan kehidupan seks, atau melawan norma seksis, patut dipermalukan. Memalukan, menghina, mendedahkan (dengan penyebaran gambar peribadi) dan tuduhan telah lama menjadi alat sistem patriarki, ini semua patut dianalisis dengan lebih intensif untuk melawannya.

Perempuan selalu dilihat sebagai cerminan "kehormatan" dan maruah keluarganya – bergantung kepada tekanan budaya dan realiti sosial. Apa pakaian yang dipakai oleh perempuan, dengan siapa dia meluahkan masanya, siapa yang dia cintai, dan sekiranya dia bercinta, siapakah yang akan dia kahwini dan banyak lagi standard yang tidak masuk akal untuk menentukan tempat dan reputasi seorang perempuan dalam masyarakat. Dia dinilai – dan ini yang kita semua lakukan padanya – untuk pakaiannya, untuk tubuhnya, cara dia berjalan, ketawa dan menari, dan terutamanya keputusan tentang kehidupan seksnya. Ini bukan sahaja disebabkan oleh masyarakat yang enggan bercakap tentang hal seksualiti, tetapi juga disebabkan oleh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, terutamanya hal berkaitan dengan seksualiti perempuan. Kehidupan seks seorang perempuan menentukan "kesucian" (konon), namun sebaik sahaja dia melawan norma sosial, dia akan dilabelkan sebagai tidak suci. Perbuatan ini (merendahkan perempuan) telah lama terjadi, kalau kita merujuk mitos dari abad lampau.

Masyarakat membayangkan perempuan sebagai makhluk yang tidak tentu arah dan tidak dijangka. Sudut pandang lain melihat perempuan sebagai simbol kesuburan, kesucian, ketenangan dan kasih sayang ibu, namun mereka hanya diterima sekiranya mereka mempunyai ciri-ciri ini. Namun apabila perempuan cuba untuk melawan, mereka dilabelkan sebagai tidak boleh dikawal, histeria, licik, tidak suci dan jahat, yang mana perempuan harus dikawal dan tunduk kepada lelaki. Di antara dua 'tiang femininiti' ini tiadanya ruang kelabu, dan melalui ciptaan dikotomi 'si suci-sundal', tekanan psikologikal dan emosi terhadap perempuan semakin hebat. Mempermalukan dan menuduh perempuan adalah bagaimana masyarakat seksis terus menyakiti perempuan setiap hati. Rasa malu dan bersalah digunakan untuk menjatuhkan semangat perempuan, untuk menundukkan penentangan mereka dan melemahkan kepercayaan diri mereka.

Terpulanglah kepada kita dan generasi akan datang dalam kalangan feminis revolusioner muda untuk mendedahkan perang okeh patriarki dan melawan mereka secara kolektif. Dukun, sundal, pembunuh bayi – atau apa saja panggilan mereka untuk kita – biar kita sendiri yang menentukan nama, warna, semangat, hidup dan revolusi dan melawan kekecewaan terhadap kehidupan dan dunia, menentang hierarki buatan dan kekuasaan ciptaan.

Anti-Copyright



**SOUTHEAST ASIAN
ANARCHIST LIBRARY**

Hêlîn Asî
Dukun, Sundal dan Pembunuh
28/06/2018

<https://gocoh.noblogs.org/dukun-sundal-dan-pembunuh/>
Original text titled "*Witch, Slut, Murderer*", translated by **Erin Malikhain**

sea.theanarchistlibrary.org